

Terma & Syarat PV Promo Julai 2020

TEMPOH PROMOSI: Promosi ini sah dari **1 Julai 2020** hingga **31 Julai 2020**, sementara stok masih ada.

ITEM DAN TAHAP YANG LAYAK UNTUK PROMOSI:

1. 400 PV & ke atas (Untuk pesanan ER/SO)
 - **Campuran Minyak Pati Present Time – 5ml**
 - **Campuran Minyak Pati Inner Child – 5ml**
 - **Campuran Minyak Pati Acceptance – 5ml**
2. 250 PV & ke atas (Untuk pesanan ER/SO)
 - **Campuran Minyak Pati Forgiveness – 5ml***

*Turut terpakai untuk pesanan bernilai 400 PV & ke atas
3. 190 PV & ke atas (hanya untuk mereka yang awal untuk pesanan ER yang dibuat dari 1-20 Julai 2020)
 - **Campuran Minyak Pati Release – 15ml**
4. 120 PV – 189.99 PV (hanya untuk mereka yang awal untuk pesanan ER yang dibuat dari 1-20 Julai 2020)
 - **Minyak Pati Lavender – 5ml**

PLATFORM PESANAN:

1. DALAM TALIAN (VIRTUAL OFFICE)
2. JUMPA TERUS di Experience Center (Pejabat YL)
3. PESANAN E-MEL menerusi Member Services
4. PESANAN TELEFON menerusi Member Services

PEMENUHAN PESANAN menerusi:

1. Pengambilan/pungutan dari Experience Center Young Living Malaysia (Pejabat YL) atau KDCC
2. Penghantaran (*caj dikenakan*)

TERMA & SYARAT:

1. Promosi ini boleh didapati untuk Ahli Young Living Malaysia ketika tempoh promosi sahaja.
2. Promosi ini boleh didapati untuk Pesanan Essential Rewards (ER) untuk promo tahap 120-189 PV, 190 PV, 250 PV dan 400 PV. Selepas membuat pesanan ER, ahli tidak dibenarkan membuat perubahan atau menambah pesanan untuk menikmati promosi PV bulanan. Semua pesanan adalah muktamad. Terhadap kepada (1) pesanan Essential Rewards yang layak untuk setiap bulan.
3. Promosi ini boleh didapati untuk Standard Order (SO) untuk promo tahap 250 PV dan 400 PV sahaja. Selepas membuat pesanan SO, ahli tidak dibenarkan untuk membuat perubahan atau menambah pesanan untuk menikmati promosi PV bulanan. Semua pesanan adalah muktamad.
4. Minimum PV mesti dicapai dalam satu pesanan tunggal. Pesanan separa yang dibuat sepanjang bulan kelayakan tidak boleh digabungkan untuk menerima tawaran ini.

5. Promosi PV tidak boleh dikumpul.
6. Hadiah percuma tidak boleh dipulangkan semula dan tidak boleh ditukar.
7. Tawaran adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada.
8. Young Living Malaysia berhak untuk menggantikan sebarang produk dengan produk lama yang mempunyai nilai sama jika ia tidak boleh didapati atau menamatkan promosi atas budi bicara syarikat sepenuhnya.
9. Young Living Malaysia berhak menamatkan promosi sebelum tempoh promosi tamat.
10. Versi Bahasa Inggeris untuk terma dan syarat ini akan sentiasa didahulukan dalam situasi di mana berlakunya sebarang percanggahan atau butiran tidak konsisten dikesan dalam terjemahan Bahasa Cina dan Bahasa Melayu.

TERMA & SYARAT: PENGHANTARAN

1. Apabila pesanan telah diproses dan apabila ia sudah melepasi tarikh Essential Rewards, sebarang perubahan pada alamat tidak akan diterima dan pesanan akan dihantar kepada alamat sedia ada.
2. Apabila pesanan telah diproses dan apabila ia sudah melepasi tarikh Essential Rewards, pembatalan penghantaran tidak dibenarkan. Sila terima bungkusan dan kembalikan kepada Young Living selepas menerima nombor Pengesahan Pemulangan Barang (RMA).
3. Jika anda (upline) membuat pesanan untuk ahli bawahan anda, sila pastikan ahli bawahan anda tahu akan pesanan tersebut supaya dia menerima dan tidak menolak bungkusan itu apabila dia dihantar.
4. **Apabila anda membuat pesanan penghantaran, anda biasanya akan menerima pesanan anda dalam tempoh 10 hari bekerja.**

TERMA & SYARAT: PENGAMBILAN SENDIRI DI EXPERIENCE CENTER YOUNG LIVING MALAYSIA

1. Apabila pesanan telah diproses, semua pesanan mesti diambil dalam tempoh 3 hari perniagaan.
2. Selepas hari perniagaan ke-3, pesanan yang tidak diambil akan dihantar pada hari perniagaan ke-4, dengan caj penghantaran dikenakan. Jika tiada kad kredit didaftarkan pada akaun ahli dan/atau maklumat kad kredit tidak sah, pesanan akan dikembalikan ke kedai dan PV ahli juga akan ditarik semula.
3. Gunakan Pengambilan Pesanan Pukul sekiranya anda mempunyai 3 pesanan dan ke atas (maksimum 10 pesanan) untuk pengambilan. E-mel nombor pesanan anda kepada bulkorderpickup@youngliving.com supaya pesanan anda diproses sebaiknya. Sila klik pautan ini untuk tahu lebih lanjut tentang proses dan terma Pengambilan Pesanan Pukul.
4. Untuk Pengambilan Pesanan Pukul, pastikan pesanan anda diambil dalam masa 2 hari perniagaan selepas anda telah menerima e-mel pemberitahuan daripada Young Living. Pengambilan Pesanan Pukul mempunyai proses dan termanya sendiri. Sila klik pada pautan ini untuk maklumat lebih lanjut: Pengambilan Pesanan Pukul.
5. Selepas hari perniagaan ke-2, pesanan yang tidak diambil akan dihantar pada hari perniagaan ke-3, dengan caj penghantaran dikenakan. Jika tiada kad kredit didaftarkan pada akaun ahli dan/atau maklumat kad kredit tidak sah, pesanan akan dikembalikan ke kedai dan PV ahli juga akan ditarik semula.

SOALAN LAZIM (FAQ)

Soalan berkaitan pesanan

S1: Di manakah saya boleh melihat senarai promosi di Virtual Office?

J: Log masuk ke Virtual Office, klik pada Sumber Member > Kategori Sumber > Promosi & Program > PV Promo.

S2: Bolehkah saya terus membuat pesanan di Experience Center (Pejabat YL)?

J: Ya. Promosi ini juga boleh didapati menerusi Experience Center (Pejabat YL) serta menerusi pesanan dalam talian di Virtual Office.

S3: Bolehkah saya menghantar e-mel atau menelefon Member Services untuk membuat pesanan?

J: Ya. Anda boleh menghubungi pasukan Member Services kami di 1 800 189 889 atau menghantar e-mel kepada custervmy@youngliving.com

S4: Bolehkah saya membuat pesanan dalam talian di Virtual Office dan mengambil pesanan saya di Experience Center (Pejabat YL) atau KKDC?

J: Ya. Semua pesanan yang dibuat boleh dihantar atau diambil sendiri dari Experience Center (Pejabat YL) atau KKDC. Jika anda memilih Penghantaran Tempatan, sila rujuk pada FAQ berkaitan Penghantaran di bawah.

S5: Bolehkah saya memilih pengambilan sendiri (i.e Experience Center YLMY dan KKDC) untuk promo ini?

J: Ya. Pilihan pengambilan sendiri (i.e Experience Center YLMY dan KKDC) boleh didapati untuk promo ini.

S6: Bolehkah saya membuat perubahan pada pesanan saya untuk menikmati promosi PV bulanan?

J: Tidak. Selepas membuat pesanan, ahli tidak dibenarkan membuat sebarang perubahan atau menambah pesanan untuk menikmati promosi PV bulanan. Semua pesanan adalah muktamad. Anda hanya layak menikmati promosi PV bulanan jika ia pesanan tunggal dan mencapai tuntutan promosi PV.

S7: Saya telah membuat pesanan Essential Rewards (ER) saya untuk bulan ini. Bolehkah saya membuat perubahan pada pesanan saya?

J: Tidak. Selepas membuat pesanan, ahli tidak dibenarkan membuat perubahan atau menambah pesanan untuk menikmati promosi PV bulanan. Setiap ahli hanya dibenarkan membuat satu pesanan ER sebulan. Jika anda telah membuat pesanan ER anda untuk bulan ini, anda masih boleh menikmati promosi di bawah Standard Order.

S8: Bolehkah saya membuat pesanan dalam talian berganda dan menghantarnya ke alamat yang sama dengan caj penghantaran sekali?

J: Caj penghantaran terpakai untuk setiap pesanan yang dibuat. Kami menyarankan anda menggabungkan pesanan anda mengikut had promosi.

S9: Adakah saya perlu membayar caj penghantaran?

J: Ya. Caj penghantaran seperti berikut akan dikenakan kecuali dinyatakan sebaliknya.

Standard Order		Essential Rewards Order	
0kg – 2kg	RM20.00	0kg – 2kg	RM12.00
2kg – 3kg	RM25.00	2kg – 3kg	RM17.00
3kg dan ke atas	RM30.00	3kg dan ke atas	RM22.00

S10: Jika saya memilih penghantaran, berapa lamakah sebelum saya menerima pesanan saya?

J: Apabila anda membuat pesanan penghantaran, anda biasanya akan menerima pesanan anda dalam tempoh 10 hari perniagaan. Sila pastikan alamat dan butiran hubungan anda adalah betul semasa membuat pesanan untuk mengelakkan kelewatan penghantaran.

S11: Apa yang berlaku?

- Saya cuba membuat pesanan dalam talian (menerusi Virtual Office), tetapi saya tidak boleh membuat pembayaran. Apa yang berlaku?
- Saya tidak boleh menambah produk ke troli. Apa yang berlaku?
- Saya tidak nampak item promosi dalam talian. Apa yang berlaku?

A: Semua item promosi berada di Virtual Office > Member Resources > Resources Categories > Promotion & Program > PV Promo. Jika anda tidak boleh melihat/membuat pesanan, kami sarankan anda melakukan yang berikut:

Langkah 1: Segar semula laman anda. Jika anda masih tidak dapat melihat item tersebut, sila teruskan ke Langkah 2.

Langkah 2: Kosongkan Cache.

Untuk mengosongkan cache di Chrome

1. Buka Chrome di komputer anda.
2. Di bahagian atas sebelah kanan, klik More.
3. Klik pada More tools > Clear browsing data.
4. Di bahagian atas, pilih satu tempoh masa. Untuk memadamkan semuanya, pilih All time.
5. Tandakan kotak di sebelah "Cookies and other site data" dan "Cached image and files".
6. Klik pada Clear data.

Dalam aplikasi pelayar lain

Jika anda menggunakan Firefox atau pelayar lain, periksa sokongan laman untuk arahan.

Langkah 3: Cuba buat pesanan anda semula.

Nota: Jika selepas mengosongkan cache dan anda masih tidak boleh meneruskan pesanan anda, kami mengesyorkan anda memeriksa semula troli belian anda memandangkan salah satu item mungkin kehabisan stok dan sistem belum lagi diselaraskan.

S12: Adakah promosi ini terbuka untuk Pengaktifan Semula?

J: Ya. Promosi ini terbuka untuk Pengaktifan Semula di bawah Standard Order (SO)/Essential Rewards (ER).

Untuk Pengaktifan Semula di bawah SO, sila ke Virtual Office.

Untuk Pengaktifan Semula di bawah ER, e-melkan permohonan ke custservmy@youngliving.com

Sila sertakan butiran berikut dalam e-mel anda:

Subjek E-mel: **Promo Bulanan RV7**

Kandungan e-mel:

1. Nama Penuh:
2. Nombor IC:
3. ID Ahli:
4. Pin:
5. Alamat:
6. Nombor Telefon:

Order (ER): Minimum 100PV dan ke atas. Sila senaraikan barangan.

Tukar Pendaftar (Enroller) – JIKA YA, SILA BERIKAN ID PENDAFTAR (ENROLLER)

Tukar Penaja (Sponsor) – JIKA YA, SILA BERIKAN ID PENAJA (SPONSOR)

Alamat Penghantaran:

Butiran Pembayaran:

Nombor Kad:

Tarikh Tamat Tempoh:

S13: Salah satu minyak yang saya terima hanya diisi separuh apabila diperika. Apa yang patut saya buat?

J: Sila hantarkan e-mel kepada pasukan Member Services kami di custervmy@youngliving.com dan mereka boleh menjelaskan dasar isian kurang kepada anda. Sila ambil perhatian yang ini perlu dilakukan dalam tempoh lima hari bekerja selepas menerima produk tersebut.

Soalan Berkaitan Pembayaran

S1: Bagaimana jika bayaran saya ke masuk ke Kumpulan 103?

J: Pesanan di bawah Kumpulan 103 akan disahkan dengan segera semasa tempoh promosi. Pesanan hanya akan disahkan dan dihantar apabila bayaran berjaya. Jika bayaran kemudiannya ditolak, pesanan akan dibatalkan. Sila pastikan pesanan diproses semula pada hari yang sama untuk layak menikmati

promosi tersebut. Kami menyarankan anda untuk tidak menggunakan kad kredit yang sama untuk berbilang transaksi/pesanan bagi mengelakkan isu bayaran kumpulan. Sila pastikan butiran kad i.e., nama (termasuk nama pertama dan nama keluarga), poskod, alamat, tarikh tamat tempoh, dan sebagainya, tepat sebelum meneruskan pembayaran.

S2: Saya berdepan dengan masalah dalam mengemaskini maklumat terkini kad saya di fail. Apa yang patut saya lakukan?

J: Kami menyarankan ahli dengan masalah pembayaran dahulu untuk mengemaskini maklumat terkini kad mereka di fail di Virtual Office:

Langkah 1: Log masuk ke Virtual Office dan klik pada My Account > My Wallet

Langkah 2: 'Edit payment method' (untuk mengemaskini kad sedia ada) atau 'Add new payment method' (untuk bertukar kepada kad baru)

Nota: Jika anda menambah kaedah pembayaran baharu, sila kemas kini ER Template > Change Payment Method juga. Ini untuk memastikan pesanan anda dibuat di bawah kad yang baru ditambah.

Peringatan Lain

- Sila pastikan alamat penghantaran anda di Virtual Office dikemas kini dan maklumat dimasukkan ke ruangan yang tepat e.g. jangan masukkan Poskod anda di bawah ruangan Bandar.
- Sila pastikan nombor anda untuk dihubungi sentiasa dikemas kini.
- Berdasarkan seksyen di bawah Polisi dan Tatacara YL, ahli hanya dibenarkan untuk membuat jualan semula produk kepada bukan ahli dengan julat harga antara lebih 10% daripada Harga Borong dan 24% Harga Runcit. Ini tidak boleh dipakai untuk barangan percuma atau barangan yang dibeli semasa promosi istimewa. Oleh itu, sebarang diskaun istimewa atau bulanan untuk produk oleh Young Living ditawarkan khas untuk ahli sahaja.
- Seperti yang dinyatakan sebelum ini, promosi ini tidak ditawarkan sebagai produk jualan semula untuk bukan ahli. Ahli juga dilarang menggunakan inventori lebih mereka untuk meniru promosi yang sama semasa tempoh jualan khas atau bulanan Young Living berlangsung.

- DOKUMEN TAMAT -